

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1986/87

RPE 446 - Aspek-Aspek Sosial Dalam Perancangan
dan Pembangunan

Tarikh: 18 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari
(3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan: DUA dari tiap-tiap Bahagian A dan B.
Gunakan buku jawapan yang BERASINGAN bagi setiap Bahagian.

BAHAGIAN A

Jawab DUA soalan.

1. Pembangunan Sosial merupakan unsur yang sangat penting dalam keseluruhan proses pertumbuhan dan perubahan masyarakat dari kedua-dua segi kesedaran dan pertalian dengan ekonomi, politik dan sosial. Setujukah anda dengan kenyataan ini? Bincangkan.
(25 markah)
2. "Perancangan sebenarnya ialah satu proses politikal di mana kesedaran, sokongan dan penglibatan orang-orang awam merupakan unsur-unsur asas". Bincangkan.
(25 markah)
3. Di antara banyak dasar-dasar sosial yang diamalkan di Malaysia pilih satu dan komen.
(25 markah)

BAHAGIAN B

Jawab DUA soalan.

4. Huraikan peranan perancang sosial dalam DUA daripada aktiviti-aktiviti di bawah ini.

- (a) Perancangan pembangunan industri.
- (b) Penyediaan pelan untuk mengawal penghijrahan Desa-Bandar.
- (c) Penjagaan, dan pengawalan, alam sekitar dari pencemaran.
- (d) Perlaksanaan program pembangunan komuniti di kawasan-kawasan bandar.
- (e) Perancangan pembangunan perumahan.

(25 markah)

5. Pendekatan pembangunan yang dijalankan di negara-negara Dunia Ketiga telah mencorak polisi dan pelan sosial untuk mengatasi kemunduran dan ketidaksemaan masyarakat.

Huraikan dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai?

(25 markah)

6. Pemandaran telah menyebabkan perubahan sosial dalam masyarakat bandar di negara Dunia Ketiga. Huraikan pendekatan-pendekatan yang telah digunakan untuk mengatasi masalah sosial akibat dari pemandaran dan sejauhmana pendekatan itu berjaya.

(25 markah)

7. Bincangkan masalah yang dihadapi oleh perusahaan-perusahaan bukan formal. Apakah dasar-dasar yang boleh dipilih oleh pemerintah terhadap perusahaan-perusahaan bukan formal bertujuan untuk menolong mereka yang miskin untuk berdikari?

(25 markah)

-ooo00ooo-

